



MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor yang mempunyai **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** serta berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**, **Sijil Taraf Bumiputera (STB)**, serta **Sijil Suruhanjaya Tenaga (SST)** (bagi kerja elektrik sahaja). Kesemua Sijil tersebut perlu mempunyai tempoh sah sekurang-kurangnya 3 bulan selepas tarikh tutup sebut harga. Kontraktor juga perlu melampirkan **Sijil Pematuhan Cukai atau Tax Compliance Certificate (TCC)** bagi kesemua kerja sebut harga ini. Kesemua sijil ini wajib dilampirkan bersama naskah sebut harga yang telah lengkap diisi.
2. Kontraktor juga wajib mengisi dengan lengkap borang - borang berikut yang terdapat dalam dokumen sebut harga :
 - i) Borang Perlindungan Data Peribadi
 - ii) Borang Pengisytiharan Pemunya Benefisial (BO)
 - iii) Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah
3. Kontraktor yang ingin menyertai sebut harga ini juga **WAJIB** berdaftar dengan Majlis Perbandaran Port Dickson. Pendaftaran boleh dibuat di Bahagian Perolehan mengikut masa yang telah ditetapkan. **Perhatian kepada semua kontraktor, MPPD telah membuka kaunter pendaftaran / pembaharuan sijil kontraktor bagi sesi 2026 bermula 1 Disember 2025.**
4. **Pendaftaran / pembaharuan sijil kontraktor MPPD hendaklah dibuat sebelum atau pada 17 Ogos 2026 bagi kerja sebut harga ini. Kaunter akan ditutup pada 18 Ogos 2026 bagi memberi laluan kepada sesi taklimat & jualan. Kaunter akan dibuka semula pada 26 Ogos 2026.**
5. Taklimat adalah **DIWAJIBKAN (sila rujuk nombor sebut harga)**. Kontraktor dinasihatkan untuk meneliti spesifikasi dengan sebaiknya bagi menawarkan harga yang munasabah. Sekiranya memerlukan sebarang maklumat dan keterangan lanjut, boleh berhubung dengan Jabatan yang berkaitan (seperti dalam naskah sebut harga). **Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi di Bahagian Perolehan, Blok A, MPPD. Kontraktor WAJIB membawa dokumen-dokumen secara 'hard copy' seperti yang dinyatakan pada perenggan 1 semasa proses taklimat & pembelian dokumen sebut harga. Sebarang dokumen dalam bentuk digital atau 'soft copy' tidak akan diterima.**

6. Pembelian dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil kontraktor yang sah sahaja. **KONTRAKTOR ATAU WAKIL TIDAK DIBENARKAN UNTUK MEMBELI NASKAH SEBUT HARGA BAGI SYARIKAT LAIN.** Wakil kontraktor hendaklah membawa surat wakil ASAL yang ditandatangani oleh pemilik syarikat bagi pembelian dokumen.
7. Setiap dokumen sebut harga boleh dibeli di **Bahagian Perolehan, Blok A, MPPD mulai 18 Ogos 2026 (Selasa).** Kontraktor dinasihatkan untuk menyemak bil sebelum membuat pembayaran. Bayaran bagi pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan dan segala kos akan ditanggung oleh pihak syarikat / kontraktor.
8. Borang sebut harga yang telah diisi dan dilengkapkan serta berlakri hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga sebelum atau pada 24 Ogos 2026 (Isnin) jam 12.00 tengah hari di Bahagian Perolehan, Blok A, Majlis Perbandaran Port Dickson. Nombor sebut harga dan juga tajuk projek hendaklah ditulis sebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat. Borang sebut harga hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan. MPPD tidak akan menerima sebut harga yang lewat daripada jam dan tarikh yang telah ditetapkan.
9. Sebut harga ini sah laku dalam tempoh 90 hari dari tarikh tutup sebut harga. Walaubagaimanapun MPPD berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku sebut harga berkenaan ke tempoh yang lebih sesuai.
10. MPPD berhak membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya diperlukan tanpa memberi apa-apa alasan.
11. MPPD adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. MPPD berhak untuk membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya pihak kontraktor terlibat dalam membuat pakatan harga dengan kontraktor-kontraktor lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses sebut harga sehingga dokumen kontrak ditandatangani. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.
12. Kontraktor-kontraktor yang mempunyai kerja semasa di Majlis Perbandaran Port Dickson **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

Tandatangan : 

Nama Pegawai : **HASNOR BIN ABD HAMID**

Jawatan : **YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON**

Tarikh : 

Tarikh Iklan : 11.8.2026

NO. SEBUT HARGA	TAJUK PROJEK	GRED KONTRAKTOR KATEGORI & PENGKHUSUSAN
S0078/26 RM50.00	KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG LAMPU HIASAN POKOK DI PEKAN PORT DICKSON SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN	<u>G1</u> KATEGORI ME PENGKHUSUSAN E11
S0079/26 RM50.00	KERJA-KERJA MEMBINA BARU ARCA MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON DI HADAPAN PEJABAT UTAMA MPPD SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN	<u>G1</u> KATEGORI CE & ME PENGKHUSUSAN CE21 & E11
S0080/26 RM50.00	KERJA-KERJA MENYELENGGARA TAMAN PERMAINAN DI TAMAN JIMAH JAYA SITE C DAN TAMAN BAYU INDERA LUKUT FASA 2, PORT DICKSON	<u>G1</u> KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE14
S0081/26 RM50.00	KERJA-KERJA MENYELENGGARA TAMAN PERMAINAN DI TAMAN LUKUT JAYA, TAMAN SETIA DAN TAMAN KOMUNITI AWAM (FASA 1), PORT DICKSON	<u>G1</u> KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE14
S0082/26 RM50.00	KERJA-KERJA PENANAMAN POKOK TEDUHAN DAN RENEK SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN UNTUK MPPD	<u>G1</u> KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE14
S0083/26 RM50.00	KERJA-KERJA PEMBAIKAN LAMPU JALAN DI PUSAT PERNIAGAAN PRIMA, PORT DICKSON	<u>G1</u> KATEGORI ME PENGKHUSUSAN E11
S0084/26 RM50.00	KERJA-KERJA PEMBAIKAN LAMPU JALAN DI TAMAN PD ERA, PORT DICKSON	<u>G1</u> KATEGORI ME PENGKHUSUSAN E11
S0085/26 RM50.00	KERJA-KERJA PEMBAIKAN LAMPU JALAN DI FASA 9, KAWASAN KOMERSIAL BANDAR SPRINGHILL, PORT DICKSON	<u>G1</u> KATEGORI ME PENGKHUSUSAN E11
S0086/26 RM50.00	MENURAP SEMULA JALAN SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PANTAI BATU 5, PORT DICKSON	<u>G1</u> KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE01 & CE21
S0087/26 RM150.00	KERJA-KERJA NAIK TARAF LANDSKAP SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PANTAI CAHAYA NEGERI, PORT DICKSON	<u>G2</u> KATEGORI CE & ME PENGKHUSUSAN CE14 ATAU CE21 DAN E11
S0089/26 RM150.00	MENAIKTARAF PINTU GERBANG DI PUSAT IKAN HIASAN, PORT DICKSON	<u>G2</u> KATEGORI B & CE PENGKHUSUSAN B04 & CE21
S0090/26 RM150.00	MENAIKTARAF KAWASAN MELETAK KENDERAAN DI DATARAN SRI KEMANG, PORT DICKSON SERTA KERJA BERKAITAN	<u>G2</u> KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE01 & CE21

S0091/26 RM150.00	MENURAP SEMULA JALAN SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI BANDAR BARU SUNGGALA, PORT DICKSON	G2 KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE01 & CE21
S0092/26 RM150.00	MENURAP SEMULA JALAN SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI TAMAN DESA PINANG DAN TAMAN SETIA DAMAI, PORT DICKSON	G2 KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE01 & CE21
S0093/26 RM150.00	MENURAP SEMULA JALAN SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PANTAI TELOK KEMANG, PORT DICKSON	G2 KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE01 & CE21
S0094/26 RM150.00	MENURAP SEMULA JALAN SECARA MILL & INLAY SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI TAMAN INDAH JAYA LUKUT, PORT DICKSON	G2 KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE01 & CE21

TIADA TAKLIMAT UNTUK KERJA SEBUT HARGA INI. JUALAN SEBUT HARGA AKAN BERMULA PADA JAM 11.00 PAGI PADA 18.8.2026 SAHAJA BAGI MEMBERI LALUAN PADA SESI TAKLIMAT S0088/26.

Kaunter Jualan Sebut Harga Beroperasi Mengikut Ketetapan Seperti Berikut :-

Isnin hingga Khamis	-	8.30 pagi - 12.30 tengahari
	-	2.30 petang - 3.30 petang
Jumaat	-	8.30 pagi - 12.00 tengahari

***NOTA – Hanya Surat Kebenaran Khas yang diperolehi dari CIDB / PKK sahaja yang diterima dan diperakukan.**

Dokumen lain seperti resit bayaran atau surat permohonan ke CIDB / PKK tidak akan diterima.

Tarikh Iklan : 11.8.2026

S0088/26 RM150.00	CADANGAN NAIK TARAF LANDSKAP TAMAN KOMUNITI AWAM, PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN	<u>G2</u> KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE14 & CE21
----------------------	--	--

Berkumpul di Dewan Majlis Perbandaran Port Dickson pada 18.8.2026 (Selasa). Pendaftaran jam 9.00 - 9.30 pagi. Sebarang kelewatan tidak akan dipertimbangkan. Taklimat bermula jam 9.30 pagi.

Menghadiri taklimat adalah **WAJIB** untuk Kerja Sebut Harga ini. Hanya penama yang terdapat di dalam Sijil PKK dibenarkan hadir dan wakil tidak dibenarkan.

Kaunter Jualan Sebut Harga Beroperasi Mengikut Ketetapan Seperti Berikut :-

Isnin hingga Khamis	-	8.30 pagi - 12.30 tengahari
	-	2.30 petang - 3.30 petang
Jumaat	-	8.30 pagi - 12.00 tengahari

***NOTA – Hanya Surat Kebenaran Khas yang diperolehi dari CIDB / PKK sahaja yang diterima dan diperakukan.**

Dokumen lain seperti resit bayaran atau surat permohonan ke CIDB / PKK tidak akan diterima.